

Berguling tangan terikat

Metro 19/7/12 ras 12

Tiga penyamun ikat pengawal keselamatan rumah bekas menteri kebas koleksi jam tangan, barang kemas

FOTO | Abdullah Yusof

>>Oleh Zaitie Satibi
am@hmetro.com.my

PETALING JAYA: "Saya terpaksa berguling ke pintu pagar depan sebelum mematahkan anak pokok buluh dan menggunakannya untuk menarik perhatian orang yang lalu-lalang," kata Mustafa Md Nor, pengawal keselamatan rumah bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Allahyarham Tan Sri Megat Junid Megat Ayub.

Mustafa, 63, menceritakan kejadian diikat tiga penyamun yang mencero boh kediaman dua tingkat itu di SS7, Kelana Jaya, di sini, jam 5.40 pagi semalam.

Tiga lelaki dipercayai warga asing bersenjata pemutar skru dan pemotong besi dikatakan memanjat pagar sebelum menyerang dan mengikat tangan serta kaki pengawal keselamatan berusia 63 tahun itu dengan wayar.

Ketika itu, rumah itu hanya didiami isteri pertama Megat Junid, Puan Sri Faiezah Shuaib, 67, dan seorang amah warga Indonesia berusia 40-an serta Mustafa yang bertugas di luar.

Menurut Mustafa, ketika kejadian, dia meronda di kawasan belakang rumah apabila terserempak tiga penyamun terbabit.



CARI BUKTI...Arjunaidi (kiri) bersama pegawainya memeriksa kawasan sekitar rumah isteri pertama Megat Junid, semalam.

Fakta

Tiga penyamun bersenjata pemutar skru dan pemotong besi pecah masuk rumah jam 5.40 pagi

"Mereka menangkap saya dan mengacu pemutar skru ke leher sambil mengugut untuk mencederakan saya jika membuat bising.

"Saya yang bimbang diapa-apakan mengikut arahan dan membiarkan mereka mengikat kedua-dua tangan, kaki serta menutup mulut saya dengan kain," katanya ketika ditemui.

Katanya, penyamun terbabit mengangkat dan meletakkannya di garaj berhampiran pintu pagar utama sebelum mereka memecah masuk dengan memotong engsel pintu belakang rumah itu.


"Saya tidak tahu apa yang berlaku di dalam rumah, te-

tapi berdoa agar Puan Sri tidak diapa-apakan.

"Selepas penyamun terbabit keluar, barulah saya berusaha untuk mendapatkan bantuan dengan cuba berguling ke arah pintu pagar," katanya.

Mustafa berkata, dia mematahkan anak pokok buluh hiasan dan berusaha menggunakan tumbuhan itu bagi menarik perhatian berikutan tidak dapat menjerit kerana mulutnya ditutup dengan kain.

"Mujurlah, ada seorang pemandu kereta yang lalu di



BEGINI...Mustafa menunjukkan cara dia diikat tiga penyamun.

depan rumah dan sedang memperlambatkan kendaraannya kerana jalan berbonggol ternampak anak pokok buluh digoyang-goyangkan.

"Lelaki itu memberhentikan keretanya dan melihat lebih dekat keadaan saya dan mengesyaki berlaku rompakan sebelum menghubungi polis," katanya.

Katanya, ikatan pada tangan, kaki dan mulutnya dibuka pembantu rumah yang keluar mencarinya tidak lama kemudian.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed berkata, penyamun terbabit turut mengikat Faiezah dan pembantu rumah sebelum mengeledah ru-

mah berkenaan.

Menurutnya, siasatan awal mendapati mereka melarikan koleksi jam tangan dan pelbagai barang kemas dianggarkan bernilai RM50,000.

"Mangsa tidak cedera dan berjaya meleraikan sendiri ikatan selepas penjenayah meninggalkan rumah. Namun, mangsa tidak dapat mengecam wajah penyamun terbabit kerana masing-masing menutup muka dengan selendang.

"Bagaimanapun, polis menubuhkan satu pasukan khas bagi memburu suspek kes itu yang disiasat mengikut Seksyen 395/397 Kanun Keseksamaan kerana samun berkumpulan dan menggunakan senjata," katanya.